

Kuala Terengganu: "Harapan sudah pudar untuk melihat pembuatan replika bot dan kapal layar diwarisi kerana tiada pewaris namun hadir seorang insan yang sanggup belajar untuk meneruskan pembuatannya."

Begitu kata Wan Nordin Wan Abdullah, 66, dari Kampung Pulau Duyung, di sini, berhubung detik perkenalan secara kebetulan dengan warga Syria Rozan Tahhan, 30, kira-kira dua tahun lalu yang bersedia mempelajari ilmu dan kemahiran dimilikinya.

Wan Nordin berkata, pertemuan dengan wanita kelahiran Damascus itu membuka lembaran baru kerana wanita berkenaan kini mahir membuat replika bot dan kapal layar.

Katanya, kemahirannya membuat replika sejak 45 tahun lalu diibaratkan kem-

Wanita Syria warisi seni pembuatan replika Ayah Wan

Harian Metro 16/5/2022
Mf: 17

nya sebagai pelaut sejak 1977 memberikannya kelebihan sama ada dalam dunia laut mahupun dalam bidang pertukangan.

"Dalam tempoh dua tahun, Rozan datang ke bengkel pertukangan saya untuk mempelajari ilmu membuat replika bot dan kapal layar hingga wanita Arab terbabit sudah boleh menyiapkan replika yang dihasilkan."

"Saya sangka individu tempatan yang ingin mempelajari ilmu berikutan pernah menjadi tenaga pengajar selama tiga tahun di sebuah yayasan di negeri ini, namun sebaliknya yang berlaku," katanya yang pernah terbabit secara langsung dalam penganjuran Piala Mon-

sun. Wan Nordin atau lebih dikenali dengan panggilan Ayah Wan berkata, kehadiran-

Menurutnya, Pulau Duyung sebelum ini menjadi salah satu tempat peringgahan pemilik kapal layar dan pulau berkenaan juga amat terkenal dalam pembuatan kapal layar yang ditempah individu dari Eropah dan negara serantau.

Katanya, dia juga akan melakukan 'pandu uji' apabila sesebuah kapal layar siap dan sesetengahnya akan dihantar kepada pemilik melalui pelayaran.

"Kapal layar dibina oleh tukang-tukang mahir dan saya pula melakukan kerja akhir dengan menyi-

apkan layar, kabin dan sebagainya sebelum di-pandu uji atau dihantar terus kepada pelanggan.

"Kebiasaannya kita akan membuat pelayaran ke Thailand, Singapura dan Indonesia, namun ketika ini menunggu sesebuah kapal layar siap saya akan membuat replika bertujuan untuk dijual," kata-

nya yang sudah melakukan pandu uji terhadap lebih 30 kapal layar sepanjang terbit dalam bidang itu.

Katanya, zaman kegemilangan pembuatan bot dan kapal layar semakin malap, manakala kini hanya dia sahaja masih tinggal bagi pembuatan replika kapal layar serta bot.

Sementara itu, Rozan yang juga ibu kepada seorang anak berkata, kali pertama melihat replika kapal layar dan bot tradisional di bengkel Ayah Wan, dia mula jatuh cinta dan sebaik diberi peluang untuk mempelajari ilmu pembuatannya dia terus bersetuju.

"Bukan mudah untuk membuat replika bot atau kapal layar, namun minat terhadap hasil seni ini membuatkan saya nekad untuk belajar.

"Hingga kini, beberapa replika sudah saya siapkan hasil tunjuk ajar Ayah Wan, dan dengan kekangan waktu yang ada saya tetap meluangkan masa untuk terus mendalami ilmu pembuatannya," katanya yang ju-

ga penuntut Universiti Damascus, Syria yang menetap di negara ini sejak tujuh tahun lalu.



ROZAN menunjukkan replika bot hasil tangannya.



“
Rozan datang ke bengkel saya untuk mempelajari ilmu membuat replika bot
Wan Nordin